

28/10/2001

Apabila menteri jadi sasaran wakil rakyat

ADA dua berita menarik yang disiarkan oleh sesetengah surat khabar beberapa minggu ini. Satu mengenai gesaan beberapa Ahli Parlimen Barisan Nasional supaya Perdana Menteri pecat menteri dan ketua jabatan yang tidak cekap.

Satu lagi mengenai dakwaan penyelewengan berjuta-juta ringgit peruntukan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Dalam peristiwa pertama, beberapa Ahli Parlimen, antaranya Datuk Bung Moktar Radin (Kinabatangan, Sabah), Datuk Mohamad Aziz (Sri Gading, Johor) dan Datuk Dr Yusof Yacob (Sipitang, Sabah), dilaporkan menggesa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertindak tegas terhadap menteri, kementerian dan jabatan yang tidak cekap, termasuk memecat ahli kabinet mereka.

Kiaua rasa perkembangan itu sangat menarik dan sangat penting kerana membabitkan wakil rakyat BN dan dibuat pula dalam Parlimen. Mereka dilaporkan membuat gesaan itu ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2001 baru-baru ini.

Boleh jadi ada orang kata mereka berani. Kalau itulah halnya, Kiaua yakin mereka berani kerana mereka rasa mereka benar. Sebagai wakil rakyat BN, mereka tentu cukup tahu mengenai menteri, kementerian dan jabatan kerana merekalah orang paling hadapan dalam proses membela nasib rakyat.

Sebagai penyokong kerajaan, mereka tentulah tidak akan membuat tuduhan dan gesaan seperti itu tanpa bukti dan alasan yang kuat. Apatah lagi tuduhan dan gesaan mereka itu dibuat di hadapan wakil pembangkang yang semestinya menunggu peluang untuk belah kerajaan.

Mereka tentulah sungguh-sungguh dan ada bukti kukuh apabila mereka menyerahkan nama menteri, kementerian dan jabatan yang mereka tuduh tidak cekap itu kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut laporan, mereka serah kepada Abdullah kerana beliau adalah juga Ketua Whip BN di Parlimen. Kiaua yakin Timbalan Perdana Menteri memaklumkan hasil pertemuan dengan ahli Kelab Penyokong Kerajaan di Parlimen itu kepada Dr Mahathir dan Kabinet.

Kalau wakil rakyat tak bela rakyat, siapa lagi nak bela mereka? Kalau wakil rakyat BN tak bagi maklum balas kepada pemimpin atasan kerajaan, siapa lagi nak bagi?

Kiaua ucap syabas kepada mereka dan Kiaua yakin maklum balas mereka akan menguntungkan rakyat sambil mengukuhkan parti dan kerajaan. Menteri pun manusia juga. Manusia boleh buat silap dan manusia hanya boleh berubah kalau dengar nasihat.

Kiaua tak salahkan wakil rakyat BN kalau mereka tertekan sehingga sanggup buat gesaan itu. Kalau menteri tak cekap atau asyik main golf saja dan ketua jabatan pula curi tulang, siapa yang susah?

Rakyatlah yang susah. Itu belum kira rasuah dan penyelewengan. Apabila rakyat susah, susah pulalah wakil rakyat nak meyakinkan mereka yang kerajaan ambil berat mengenai mereka.

Apabila mereka tak yakin, besar kemungkinan mereka tidak pangkah BN lagi pada pilihan raya akan datang. Amaran mengenai perubahan selera rakyat sudah jelas daripada keputusan pilihan raya 1999.

Hal kedua yang tidak kurang penting ialah pendedahan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid mengenai penyelewengan duit PPRT.

Kalau itu tidak cukup memeranjatkan kita, dengar apa pula menteri kata mengenai penyiasatan terhadap kes itu.

Azmi dilaporkan kecewa kerana polis dan Badan Pencegah Rasuah ambil masa terlalu panjang siasat kes itu.

Menurut Azmi, laporan kes itu kepada polis dan BPR dibuat oleh kementerian setahun lalu.

Kata menteri itu, sehingga hari ini belum ada sebarang tindakan diambil oleh polis dan BPR walaupun unsur-unsur penyelewengan yang dimaksudkan itu turut disyaki oleh Jabatan Audit Negara.

Kiau tak berani buat sebarang andaian atau kesimpulan. Yang jelas ialah dakwaan mengenai penyelewengan itu bukan daripada surat layang atau sumber yang tidak diketahui. Ia dibuat sendiri oleh sebuah kementerian.

Jadi kalau berlaku juga kelewatan atau kelambatan, Kiau tak beranilah nak kata. Hanya orang yang makan cabai yang akan berasa pedasnya.

Kiau ucap syabas kepada Azmi kerana gigih dan terbuka menangani masalah itu. Tipu duit rakyat kesalahan besar. Tipu duit rakyat miskin tentulah lebih besar dosanya.

(END)